

(3)04/C/656/2 Jil.2 /2010

15 November 2010

Pk (EL) MPOB 03/2010

Semua Pemegang Lesen Kategori Kilang Buah Kelapa Sawit

Tuan

PENGUATKUASAAN PENGEMUKAAN MAKLUMAT BERKALA BAGI PEMEGANG LESEN DALAM KATEGORI KILANG BUAH KELAPA SAWIT DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (PELESENAN) 2005

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana yang pihak tuan sedia maklum, Peraturan-peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 [PPLMSM (Pelesenan)] telah diwarta dan dikuatkuasakan pada 1 Januari 2006. Penguatkuasaan peraturan ini adalah termasuk syarat lesen yang dikenakan ke atas setiap kategori yang dinyatakan dalam lesen sebagaimana Jadual Keenam, Peraturan 21 peraturan yang sama dan juga apa-apa syarat yang dikenakan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.
3. Syarat 4, Syarat Am Bagi Semua Pemegang Lesen mengkehendaki pemegang lesen berhubungan dengan kategori yang dinyatakan dalam lesennya, mengemukakan maklumat berkala yang mengandungi maklumat sepanjang pengetahuan mereka adalah lengkap, benar dan tepat kepada pihak Lembaga dan hendaklah diterima oleh pihak Lembaga sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.
4. Mesyuarat Lembaga kali ke-61 yang telah diadakan pada 18 Oktober 2010 telah mempersetujui dan menentukan maklumat berkala MPOB (EL) MF5A iaitu borang "Banci Sisa Kilang Sawit (POME) dan Biogas Untuk Sumber Tenaga Yang Boleh Diperbaharui" sebagai maklumat berkala yang hendaklah dipatuhi sebagaimana syarat 4, Syarat Am Bagi Semua Pemegang Lesen, Jadual Keenam, Peraturan 21 PPLMSM (Pelesenan) bagi pemegang lesen dalam kategori kilang buah kelapa sawit.
5. Oleh yang demikian, Lembaga mengambil ketetapan untuk menguatkuasakan syarat lesen yang dikenakan ke atas kategori kilang buah kelapa sawit seperti yang diperincikan di dalam Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 03/2010 [Pk (EL) MPOB 03/2010] mulai 15 November 2009.

6. Sehubungan dengan itu, pihak tuan dikehendaki mematuhi syarat am dan syarat lesen yang telah ditetapkan sebagaimana Jadual Keenam, Peraturan 21 Peraturan-peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 untuk mengelakkan tindakan penguatkuasaan MPOB.

Sekian, terima kasih.

“MESRA, ADIL, TEGAS DAN AMANAH”

Yang benar,



DATUK DR CHOO YUEN MAY
Ketua Pengarah
MPOB

s.k. Setiausaha Eksekutif POMA

 LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB
--

Rujukan Pekeliling Tarikh Kuatkuasa Perkara	:Pk (EL) MPOB 03/2010 :15 NOVEMBER 2010 :PENGUATKUASAAN PENGEMUKAAN MAKLUMAT BERKALA BAGI PEMEGANG LESEN DALAM KATEGORI KILANG BUAH KELAPA SAWIT
--	---

1.0 TUJUAN

Untuk memaklumkan penguatkuasaan pengemukaan maklumat berkala MPOB (EL) MF5A iaitu borang "Banci Sisa Kilang Sawit (POME) dan Biogas Untuk Sumber Tenaga Yang Boleh Diperbaharui" sebagai syarat lesen bagi pemegang lesen dalam kategori kilang buah kelapa sawit (MF).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Berdasarkan isu global mengenai tenaga diperbaharui dan pengurangan gas-gas rumah hijau, biojisim dan biogas mendapat perhatian yang tinggi sebagai sumber berpotensi tenaga diperbaharui. Bahan buangan seperti tandan buah kosong (EFB) dan sisa kilang sawit (POME) yang dihasilkan dengan banyak membuka peluang kepada MF untuk turut mencebur dalam bidang penjanaan tenaga seperti Program Janakuasa Kecil Tenaga Yang Boleh Diperbaharui (SREP). Melalui SREP, pengeluar tenaga elektrik daripada sumber tenaga yang boleh diperbaharui (RE) seperti biojisim dan biogas dibenarkan mengeksport tenaga ke grid nasional.
- 2.2 Di samping itu, penggunaan biogas sawit juga mengurangkan kesan karbon (*carbon footprint*) dalam penghasilan minyak sawit dan ini selaras dengan tuntutan oleh pengguna dan pengimport supaya melaksanakan amalan mapan dalam menghasilkan minyak sawit.
- 2.3 Sehubungan dengan itu, satu bincian yang mempunyai kuat kuasa undang-undang hendaklah dilaksanakan bagi memastikan satu kajian yang secara menyeluruh berkaitan pengeluaran tenaga yang boleh diperbaharui dalam industri kelapa sawit berjalan lancar.
- 2.4 Susulan daripada itu, Mesyuarat Lembaga kali ke-61 telah memutuskan untuk menguatkuasakan pengemukaan maklumat berkala MPOB (EL) MF5A iaitu borang "Banci Sisa Kilang Sawit (POME) dan Biogas Untuk Sumber Tenaga Yang Boleh Diperbaharui".

JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN WISMA SAWIT

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.
Telefon: 603-78035544 . Faks:603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpopb.gov.my>



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

3.0 SYARAT LESEN

- 3.1 Pewartaan dan penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 [PPLMSM (Pelesenan)] pada 1 Januari 2006 telah memperincikan syarat am bagi semua pemegang lesen sebagaimana Jadual Keenam, Peraturan 21 peraturan yang sama.
- 3.2 Syarat 4, syarat am bagi semua pemegang lesen mengkehendaki pemegang lesen berhubungan dengan kategori yang dinyatakan dalam lesennya, mengemukakan maklumat berkala yang mengandungi maklumat sepanjang pengetahuan mereka adalah lengkap, benar dan tepat kepada pihak Lembaga dan hendaklah diterima oleh pihak Lembaga sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.
- 3.3 Sehubungan dengan itu, maklumat berkala MPOB (EL) MF5A iaitu borang "Banci Sisa Kilang Sawit (POME) dan Biogas Untuk Sumber Tenaga Yang Boleh Diperbaharui" telah dipersetujui dalam Mesyuarat Lembaga kali ke-61 dan diperakucas serta ditentukan oleh Lembaga sebagai maklumat berkala yang hendaklah dipatuhi sebagaimana syarat 4, Syarat Am Bagi Semua Pemegang Lesen, Jadual Keenam, Peraturan 21 PPLMSM (Pelesenan) bagi pemegang lesen dalam kategori kilang buah kelap sawit.
- 3.4 Maklumat berkala MPOB (EL) MF5A iaitu borang "Banci Sisa Kilang Sawit (POME) dan Biogas Untuk Sumber Tenaga Yang Boleh Diperbaharui" adalah seperti di **Lampiran I**.

4.0 PEMAKAIAN

Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 03/2010 [Pk (EL) MPOB 03/2010] adalah terpakai kepada pemegang lesen kategori kilang buah kelapa sawit.

5.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling penguatkuasaan ini berkuatkuasa mulai 15 November 2010.

6.0 PENGESAHAN & KELULUSAN

DATUK DR. CHOO YUEN MAY
Ketua Pengarah
MPOB
Tarikh:

**JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.
Telefon: 603-78035544 . Faks:603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpopb.gov.my>